



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pengajian Bahasa **Unleashing Potentials**  
**Shaping the Future**

E-ISSN: 2682-7948

# Buletin APB

## EDISI 11

NOVEMBER 2023

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS SEREMBAN



## *Global Outreach Programme 6.0 Sebagai Medium Aktiviti Kolaborasi Peringkat Antarabangsa*

**DR. NUR NADIA DZULKIFLI, DR. NORLIZA DZAKARIA & PROF. MADYA DR. SHEIKH AHMAD IZADDIN SHEIKH MOHD GHAZALI**

UiTM KAMPUS KUALA PILAH

Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar (PPKAS), Kampus Kuala Pilah telah menganjurkan Global Outreach Programme 6.0 (GOP 6.0) dengan jayanya. Buat julung kalinya, GOP siri ini telah diadakan dengan melibatkan empat buah universiti antarabangsa dari Indonesia secara serentak dan di tempat yang sama. Program ini disertai oleh seramai 79 pelajar secara keseluruhan di mana 30 orang pelajar adalah dari UiTMCNS sendiri yang terdiri daripada pelbagai bidang ijazah sarjana muda dan diploma. Manakala 49 orang pelajar adalah dari empat universiti dari Indonesia iaitu Telkom University (Tel-U), Universitas Negeri Malang (UM), Universitas Islam Indonesia (UII) dan Universitas Maritim Raja Ali Haji (UMRAH). Program ini telah berlangsung selama 5 hari bermula 21 – 25 Ogos 2023 bertempat di Kampus Kuala Pilah. Sasaran pelanggan kali ini tidak hanya memfokuskan kepada warga PPKAS sahaja, malah melibatkan kesemua warga UiTMCNS Kampus Kuala Pilah khususnya.

Pelbagai sub-program yang berbentuk santai, ilmiah, kolaborasi, dan pertandingan telah dirangka dengan bertemakan 'Collaboration for Future Empowerment Education (CofFEE)' di mana mengikut sasaran peserta. Malaysia-Indonesia Colloquium, pembentangan oleh wakil Special Interest Group (SIG), dan perbincangan dua hala yang dipetakan kepada aktiviti bersama pensyarah dari kedua-dua negara. Ini bertujuan untuk mewujudkan kolaborasi global dalam bidang penyelidikan dan pendidikan secara berterusan. Manakala aktiviti latihan dalam kumpulan, lawatan ke makmal sains, sukan rakyat, 3 Minutes Research Presentation (3MRP), aktiviti kebudayaan (persembahan teater dan tarian) dan International Community Service Programme 2023 (ICSP '23) adalah aktiviti yang khusus dipetakan kepada para pelajar. Kesemua sub-program pelajar yang dirangka ini adalah bertujuan untuk (1) melahirkan pelajar UiTMCNS yang berdaya saing di peringkat

global selaras dengan aspirasi UiTM, (2) meningkatkan motivasi, keyakinan, pemikiran dan komunikasi pelajar dan (3) menggalakkan kemajuan akademik, pertumbuhan peribadi, tanggungjawab sivik dan pemahaman antara budaya Malaysia-Indonesia. Malaysia-Indonesia Colloquium merupakan sesi pembentangan ilmu penyelidikan oleh wakil jemputan daripada kesemua universiti yang terdiri daripada pelbagai bidang iaitu kimia, kejuruteraan dan matematik. Antara topik-topik yang diulas adalah Oil Esters as Potential Emollient for Cosmeceutical Applications (UiTM), Shaping Future: Biomedical and Healthcare Technologies (Tel-U), Application of Green Chemistry Principle in Organic Synthesis and Statistic (UII) dan Forecasting in Chemistry: Unlocking Pattern and Prediction (UM). Sasaran pelanggan penerima faedah penganjuran sub-program ini adalah warga akademik Kampus Kuala Pilah khususnya yang terdiri daripada pelbagai bidang sains. Selain itu, GOP 6.0 juga telah dilabelkan sebagai medium untuk memperkenalkan Kumpulan SIG yang terdapat di Kampus Kuala Pilah iaitu EMiBio, ECONATREA, ARIF, AMER dan MaterInOleo bagi tujuan mewujudkan kolaborasi penyelidikan. Pelbagai aktiviti mengeratkan silaturrahim antara pelajar UiTMCNS dan Indonesia telah diadakan melalui latihan dalam kumpulan, sukan rakyat, dan teater. Walaupun para pelajar hadir dari universiti yang berbeza, namun mereka selalu dipesan bahawa mereka adalah serumpun dan setaraf seperti pepatah mengatakan "duduk sama rendah, berdiri sama tinggi". Maka, keharmonian dan keseronokan dapat diwujudkan ketika aktiviti bersama. International Community Service 2023 (ICSP '23) adalah anjuran bersama Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar & Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Kampus Kuala Pilah serta CMH Specialist Hospital bertempat di Galeri Diraja Tuanku Jaafar Seremban. Program khidmat masyarakat ini telah ditaja penuh oleh CMH Specialist Hospital dan pelbagai aktiviti telah

dijalankan iaitu saringan kesihatan percuma, ceramah kesihatan dan penerangan berkaitan pemakanan. Hasil kutipan sumbangan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan rakan-rakan universiti Indonesia telah menyalurkan beberapa buah kerusi roda untuk dimanfaatkan di CMH Specialist Hospital dan Unit Kesihatan Kampus Kuala Pilah.

Akhir sekali, GOP 6.0 telah dianjurkan dengan bertujuan untuk memenuhi aspirasi UiTM sebagai Globally Renown University by 2025 sebagai medium mewujudkan kolaborasi peringkat antarabangsa dan memupuk pemahaman budaya antara kedua-dua negara. Program berbentuk ini perlu diteruskan untuk memastikan staf dan pelajar UiTMCNS yang yang berfikiran dan berdaya saing global.

Majlis Perasmian Global Outreach Programme 6.0 (GOP 6.0)



Latihan dalam kumpulan dan lawatan ke makmal sains



Pembentangan / 3 Mnt Research Presentation Competition





International Community Service 2023 (ICSP '23)



Aktiviti Sukan Rakyat



Pembentangan SIG

UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Telkom  
University

UNIVERSITAS  
ISLAM  
INDONESIA

UMRAH  
Universitas Islam  
Raja Ali Raja

**SPECIAL INTEREST GROUP  
(SIG) SHARING SESSION**  
*in conjunction with*  
**GOP 6.0**

**DR. MUHAMMAD AIDIL  
IBRAHIM**  
EMiBio  
"Empowering Modern  
Agriculture"

**DR. NUR HASYIMAH  
RAMLI**  
ECONATREA  
"Nature is treasure"

**DR. EDDIE YAN TI  
TJIH  
ARIF**  
"Food Techies: ARIF"

21 August 2023

2.30 - 3.30 pm

LT 200, Kuala Pilah Campus

Organized by  
School of Chemistry and Environment  
UiTM Negeri Sembilan Branch, Malaysia

Training hours will be  
provided